



KENYATAAN MEDIA

KERJASAMA ERAT YAYASAN WAQAF MALAYSIA (YWM) DAN MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM) SANTUNI MALAYSIA MADANI

RM53,500.00 Dimanfaatkan Kepada 600 Orang Penerima yang Memerlukan

1. Dalam menyemarakkan budaya berwakaf dalam kalangan masyarakat, Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah menganjurkan Program Ziarah Kasih Rahmah (ZIKIR) di sekitar Zon Selatan Ayer Molek, Melaka.
2. Program ZIKIR yang bersifat turun padang ini telah mula digerakkan oleh YWM sejak tahun 2018 sebagai usaha untuk memperkenalkan peranan dan fungsi agensi-agensi agama di peringkat Persekutuan dan Negeri.
3. Bertepatan dengan gagasan 'Membangun Malaysia Madani' yang dibawa oleh Perdana Menteri Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah memperkenalkan Pelan Transformasi Al-Falah khusus kepada usaha-usaha penambahbaikan pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia. Pelan Al-Falah ini mengandungi inisiatif-inisiatif yang terdiri dari 5 teras, 10 fokus dan 5 nilai penghayatan bersama.
4. Penganjuran Program ZIKIR ini selari dengan Teras Kesejahteraan Insan yang dibawa oleh Pelan Al-Falah dengan menfokuskan kepada dua (2) perkara yang merangkumi:
 - a. Kemampuan ekonomi dan kebajikan sosial Islam dengan mengukuhkan institusi dan program Islam serta kebajikan sosial sebagai tonggak pembangunan masyarakat madani; dan
 - b. Pengukuhan perpaduan ummah dan keharmonian tamadun dengan memperluaskan jaringan kerjasama umat Islam di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa bagi mengukuhkan perpaduan ummah.
5. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar menerusi ucapan perasmian penutup Program ZIKIR berkata, Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) bekerjasama erat bersama pihak berkuasa agama Islam Negeri Melaka, Jabatan Agama Islam Negeri Melaka dan Jabatan Mufti Negeri Melaka. Hasil kerjasama

erat yang terjalin ini, **negeri Melaka tidak terkecuali daripada menikmati pembangunan wakaf melalui inisiatif Kerajaan Persekutuan** sama ada melalui Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) atau YWM. Antara pembangunan wakaf yang dilaksanakan ialah:

- a. **Pembangunan hotel di atas tanah wakaf milik MAIM di Tanjung Kling, yang dinamakan Puteri Bay Hotel Melaka dan kini hotel tersebut diuruskan oleh YWM melalui anak syarikatnya, Perbadanan Wakaf Nasional Berhad. Hotel ini dibangunkan menerusi peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan JAWHAR; dan**
 - b. **Pembangunan Bazar Wakaf Rakyat iaitu 2 unit di Masjid Tanjung Minyak; 4 unit di Pulau Besar dan 5 unit di Masjid Felda Tun Ghaffar Machap oleh YWM menggunakan peruntukan belanjawan tahun 2010.**
6. Bermula pada 27 Disember 2017, YWM telah bekerjasama dalam pelaksanaan kutipan Wakaf Tunai Malaysia bersama MAIM. **Dalam konteks kerjasama ini, YWM akan menyalurkan semua terimaan wakaf melalui potongan gaji daripada penjawat awam Persekutuan di negeri Melaka kepada MAIM pada setiap suku tahun untuk dimanfaatkan bagi tujuan pembangunan wakaf di negeri Melaka. Sehingga 31 Oktober 2023, sejumlah RM102,716.60 telah disalurkan oleh YWM kepada MAIM dengan jumlah pewakaf bulanan seramai 67 orang.**
 7. Sebanyak **7 aktiviti** telah dilaksanakan sepanjang program ZIKIR '23 yang diadakan di sekitar daerah Ayer Molek, Melaka ini. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah **Kuliah Subuh dan Dhuha, Kayuhan Prihatin Wakaf, Pemberian Minyak Motosikal Percuma dan Ramah Mesra bersama Peniaga, Sumbangan Rahmah, Gotong-Royong Kawasan Perkuburan dan Tanah Wakaf, Program Cuci-Cuci Masjid dan Pameran Agensi.**
 8. YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bersama ketua-ketua agensi yang terlibat turut berkesempatan untuk menyertai Kayuhan Prihatin Wakaf serta menyantuni hampir seramai 600 masyarakat yang memerlukan. **Sejumlah RM53,500 telah dimanfaatkan kepada mereka yang memerlukan menerusi program ZIKIR ini.** Antara agihan yang dilaksanakan melibatkan **sumbangan bakul makanan, sumbangan petrol percuma dan sumbangan dana wakaf kepada masjid As-Salimin bagi tujuan penambakan ruang solat wanita.**
 9. Selain itu, **YWM turut menyumbangkan RM10,000 kepada MAIM bagi tujuan menjayakan sambutan Bulan Wakaf Peringkat Negeri Melaka pada tahun ini.**

10. YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im turut mengingatkan kepada semua agensi-agensi agama di bawahnya untuk sentiasa membawa pendekatan turun padang serta berinteraksi dengan rakyat dalam menggerakkan program-program berbentuk kemasyarakatan agar tiada yang ketinggalan dalam menikmati kehidupan yang lebih baik tanpa mengira bangsa dan agama.
11. Di akhir ucapannya, beliau merakamkan penghargaan kepada pihak penganjur dan semua rakan strategik agensi-agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri yang terlibat dalam menjayakan program ini. Beliau mengharapkan agar kerjasama erat ini terus utuh serta membuahkan hasil yang positif dan memberikan impak yang mampan dalam memelihara kemaslahatan dan pembangunan ekonomi ummah.

Yayasan Waqaf Malaysia
4 November 2023

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

1. **Cik Haidatul Azia binti Husin**
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my
2. **Cik Nur Ain binti Mohd Nazri**
Pegawai Media
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my